



Masa Hadapan Kelam Menanti Seladang

Hidupan liar masih diancam dan diasak dengan pelbagai permasalahan yang tiada penghujungnya sehingga mengancam kewujudannya di negara ini. Hidupan liar yang merupakan khazanah penting negara berkemungkinan hanya dapat dibanggakan melalui catatan sejarahnya pada masa hadapan.

Adakah hidupan liar dapat dipertahankan kewujudannya untuk generasi akan datang? Mungkin banyak orang yang tidak menyedari bahawa Malaysia kini diancam dengan masalah kepupusan pelbagai jenis hidupan liar yang disebabkan oleh kemusnahan habitat, pencemaran alam sekitar, pembangunan fizikal, dan pemburuan haram.

Satu daripada spesies hidupan liar yang kian diancam kepupusan ialah seladang. Seladang ialah spesies hidupan liar jenis mamalia dan merupakan hidupan liar darat kedua terbesar di Malaysia selepas gajah.

Seladang hanya terdapat di Semenanjung Malaysia, iaitu di Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Dianggarkan populasi semasa seladang di Malaysia adalah antara 270 ekor hingga 330 ekor sahaja.



Hidupan liar yang dilindungi ini adalah spesies yang mudah mengalami tekanan perasaan, terutamanya ketika di dalam kurungan. Seperti lembu, seladang juga mampu menghasilkan bunyi melalui mulutnya sebagai isyarat komunikasi antara satu sama lain. Seladang ialah haiwan yang agak garang dan boleh menyerang dengan tanduknya jika berasa dirinya terancam.

Seladang boleh dikenali melalui kulitnya yang berwarna perang gelap, memiliki bonggol di antara bahu dengan sarung putih di keempat-empat kakinya dari paras lutut hingga pangkal kuku.

Anak seladang yang baru dilahirkan berwarna perang kekuningan dan bertukar kepada warna perang gelap ketika usianya memasuki tiga bulan hingga empat bulan. Kulitnya mengeluarkan sejenis minyak sebagai perlindungan daripada serangan serangga. Hidungnya pula sentiasa berair. Sekiranya hidung seladang kering, bermakna haiwan ini tidak sihat.

Seladang boleh membesar dengan ketinggian 1.9 meter dan panjang purata lebih kurang empat meter jika diukur dari hidung hingga hujung ekornya. Seladang dewasa mempunyai sepasang tanduk yang bersifat kekal.

Seladang jantan dan betina dibezakan berdasarkan kekebalan tanduknya. Berat seladang jantan boleh mencapai 1000 kilogram, manakala berat seladang betina pula boleh mencecah 500 kilogram hingga 700 kilogram. Seladang mempunyai jangka hayat hingga 25 tahun.

Pada kebiasaannya, seladang mendiami kawasan hutan tanah pamah yang tidak diganggu. Haiwan ini memerlukan air untuk minum tetapi bukan untuk berkubang. Makanannya terdiri daripada rumput segar, kulit pokok kayu dan pucuk muda belukar.

Seladang hidup berkumpulan dan amat menjaga keluarganya, terutamanya dalam kalangan seladang

jantan. Namun begitu, terdapat juga seladang jantan yang hidup bersendirian.

Hidupan liar yang dilindungi ini adalah spesies yang mudah mengalami tekanan perasaan, terutamanya ketika di dalam kurungan. Seperti lembu, seladang juga mampu menghasilkan bunyi melalui mulutnya sebagai isyarat komunikasi antara satu sama lain. Seladang ialah haiwan yang agak garang dan boleh menyerang dengan tanduknya jika berasa dirinya terancam. Haiwan ini juga sensitif terhadap bau dan akan bertindak agresif jika menghidu bau yang tidak disenanginya.

Di habitat asalnya, seladang membiak sepanjang tahun walaupun terdapat tempoh kemuncak pembiakan, iaitu antara Disember hingga Jun. Seladang jantan akan bertarung sesama seladang jantan untuk mendapatkan pasangan bagi proses mengawan. Semasa proses mengawan, seladang jantan akan mengeluarkan bunyi mengawan yang boleh didengar sejauh 1.5 kilometer.

Anak seladang akan lahir selepas tempoh bunting selama 310 hari hingga 314 hari dan menyusu hingga sembilan bulan. Seladang betina hanya akan melahirkan seekor anak pada satu-satu masa dan seladang jantan akan melindungi seladang betina yang mahu melahirkan anak.

Jika tiada usaha yang serius dan berterusan dilakukan untuk menyelamatkan spesies ini, nasib seladang berkemungkinan akan berakhir sepertimana nasib badak

sumbu Sumatera yang telah pupus sepenuhnya di Malaysia. Kini, seladang berada dalam keadaan kategori yang terancam, selain harimau Malaya yang dikategorikan sebagai amat terancam.

Ancaman utama seladang ialah pemburuan haram, fragmentasi hutan dan kemusnahan habitat asal. Pemburu haram memburu seladang untuk mendapatkan daging dan anggota badan lain seperti gigi, tanduk dan kulit.

Pada peringkat kebangsaan, seladang diklasifikasikan sebagai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Namun begitu, pemburu haram masih lagi berleluasa dan semakin rakus menjalankan aktiviti pemburuan haram demi mengaut keuntungan.

Antara tindakan pemburu haram yang rakus menjarah khazanah alam ini termasuklah menggunakan modus operandi yang kejam melalui teknik menggunakan jerat wayar sehingga mendatangkan kecederaan dan kematian yang perlahan kepada seladang.

Dalam hal ini, Akta 716 dilihat masih gagal menghalang pemburu haram daripada menangkap seladang. Disebabkan hal itu, pindaan pada akta ini merupakan perkembangan positif dalam usaha pemuliharaan hidupan liar.

Secara umumnya, pindaan ini melibatkan peningkatan jumlah denda maksimum yang lebih tinggi hingga RM1 juta ringgit dan had hukuman



Dalam mengejar kemajuan dan kewangan, kelestarian seladang tidak boleh diabaikan. Kemajuan pembangunan dan kewangan tidak seharusnya menjadi alasan dan kealpaan untuk melindungi dan memelihara kehidupan seladang.

penjara tidak melebihi 15 tahun bagi kesalahan tertentu di bawah akta ini serta memberikan perlindungan yang lebih selamat kepada hidupan liar.

Di samping itu, fragmentasi hutan atau pecahan kawasan hutan akibat penerokaan tanah adalah satu daripada punca ancaman kepupusan spesies hidupan liar ini. Penerokaan hutan untuk tujuan pembangunan menyebabkan seladang sukar untuk membiak serta kehilangan habitat. Fragmentasi hutan mengakibatkan kewujudan keadaan kawasan hutan seperti "pulau hutan", yakni sesuatu kawasan hutan terpisah daripada kawasan hutan yang lain.

Natijahnya, situasi tersebut mengakibatkan kumpulan seladang terpisah. Apabila seladang terpisah, haiwan ini akan mengalami masalah kekurangan genetik dan populasinya bakal berkurang. Hal ini disebabkan oleh seladang hanya akan berinteraksi sesama sendiri lalu menimbulkan masalah pada masa hadapan.

Apabila sesuatu populasi seladang menurun dan mengalami masalah kekurangan genetik, maka semakin kurangnya pasangan seladang yang berpotensi untuk melahirkan anak bagi proses pembiakan terus berlaku. Keadaan ini diburukkan lagi apabila seladang sememangnya spesies hidupan liar yang lambat membiak dan melahirkan anak dengan jumlah yang sedikit dalam tempoh setahun.

Fragmentasi hutan turut mengakibatkan seladang mengalami cabaran dan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan

alam dan kemusnahan habitat asal sehingga mudah terdedah kepada penyakit, selain kehilangan sumber makanan dan perlindungan yang menjadi faktor utama kelangsungan hidup.

Kemusnahan habitat adalah ancaman yang paling utama bagi spesies hidupan liar ini. Hal ini adalah kerana seladang hidup dalam ekosistem tumbuh-tumbuhan semula jadi. Kemusnahan habitat turut mendorong hidupan liar ini masuk ke kawasan bandar.

Dalam mengejar kemajuan dan kewangan, kelestarian seladang tidak boleh diabaikan. Kemajuan pembangunan dan kewangan tidak seharusnya menjadi alasan dan kealpaan untuk melindungi dan memelihara kehidupan seladang.

Pada hakikatnya, seladang ialah khazanah alam yang sangat penting dalam persekitaran dan ekosistem serta perlu dikekalkan kewujudannya. Kepupusan seladang akan menyebabkan persekitaran dan ekosistem menjadi tidak seimbang.

Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Seladang seperti di Jenderak Selatan, Jerantut perlu diperbanyakkan. Pusat ini telah berjaya memulihara dan membiak seladang sejak tahun 2010. Sebanyak 62 ekor anak seladang telah dilahirkan secara semula jadi di sini. Pada ketika ini, terdapat 183 ekor seladang di PKHL Seladang Jenderak Selatan. Semua seladang ini dilepaskan daripada 16 kurungan besar selain diberikan makan sebanyak dua kali sehari.

Pada setiap tahun, dua ekor hingga tujuh ekor seladang dilahirkan. Anak seladang yang dilahirkan ditempatkan bersama-sama ibunya dalam kurungan hingga dewasa. Dalam tempoh 12 tahun yang lalu, PKHL Seladang terbabit dalam program pelepasan 30 ekor seladang secara berkumpulan di beberapa hutan utama sebagai usaha menambahkan jumlah haiwan tersebut di habitat asal.

Sebelum haiwan ini dilepaskan ke hutan, seladang berkenaan menjalani proses penyesuaian bagi membantunya berada dalam keadaan sedia dan selesa. Lokasi pelepasan yang dipilih juga mempunyai sumber makanan semula jadi. Seladang yang dilepaskan ini dipasangkan dengan alat pengesan untuk memantau kedudukannya di dalam hutan.

Melindungi seladang bukan tanggungjawab agensi penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlindungan ini memerlukan kerjasama antara semua pihak. Semua pihak tidak seharusnya membiarkan seladang berhadapan dengan masa hadapan yang kelam dan mengalami nasib yang sama seperti badak sumbu Sumatera yang kini pupus di habitat semula jadinya.

Oleh itu, kerjasama daripada pihak berwajib dalam mendidik masyarakat untuk memelihara hidupan liar seperti seladang adalah penting. Peningkatan kesedaran awam amat diperlukan untuk menghalang aktiviti yang boleh menjejaskan kemandirian seladang melalui keterlibatan semua pihak sekali gus mengurangkan risiko kepupusan seladang.

Mungkin sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan merangka satu pelan perancangan dalam mewujudkan pendidikan yang komprehensif tentang pemuliharaan dan perlindungan seladang agar kesedaran awam dapat ditingkatkan. Ancaman kepupusan spesies haiwan ikonik Malaysia ini diharapkan mampu membuka mata masyarakat dan pihak berkepentingan akan kepentingan perlindungan hidupan liar dilaksanakan untuk menyelamatkan haiwan ini daripada kepupusan. 